

Colloquium on Environmental Health and Safety 2018 (CoEHS 2018) anjuran Pusat Pengajian Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Puncak Alam, Selangor dengan kerjasama Persatuan Kesihatan Environmen Malaysia (MAEH), menjadi wadah penuntut tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran (Kepujian) untuk membentangkan hasil kajian mereka kepada pemeriksa akademik luar

dari IPTA, IPTS dan entiti penyelidikan.

Kolokium dirasmikan Dekan Fakulti Sains Kesihatan, Kol. (B) Dr. Amir Muhriz Abd Latiff itu dihadiri 120 peserta dari beberapa Pejabat Kesihatan Daerah, pihak berkuasa

CoEHS : Medan penuntut bentang hasil kajian

tempatan (DBKL, MBSA, MP Selayang), pelajar dari Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), MAHSA serta kakitangan Hospital Kuala Lumpur dan beberapa wakil Industri.

Seramai 30 pemeriksa luar telah meneliti dan menilai poster hasil kajian pelajar dalam bidang kesihatan dan keselamatan persekitaran termasuk kualiti air, kualiti udara, kawalan vektor pembawa penyakit, pengurusan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, penyakit berjangkit dan kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

CoEHS 2018 turut memuatkan



Pembentang dan peserta bergambar kenangan.

tiga sesi. Perkongsian pertama disampaikan Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani (UPM), Prof Madya Dr Hidayatulfathi Othman (UKM) dan Presiden Persatuan Kesihatan Environmen, Tee Eng. Penasihat CoEHS

2018, Dr. Farah Ayuni Shafie turut memaklumkan aktiviti ini diharap dapat mempromosikan kepentingan profesion kesihatan dan keselamatan persekitaran di samping membuka ruang kerjasama.

Info Angka

- CoEHS 2018 disertai seramai 120 peserta
- Hasil kajian pelajar diperiksa 30 pemeriksa luar

UniKL MSI menang hadiah pertama

PASUKAN UniKL MSI, dianggotai Khairul Azizi Sa'aban, Syeikh Ahmad Al-Hadi Zahari dan Kartina Farah Hana Mohamad Nasir telah menjadi juara dalam *Innovate Malaysia 2018 Design Competition* yang berlangsung di Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Cyberjaya baru-baru ini.

Mereka yang mempertaruhkan projek bertajuk *Plasma Arc Discharge Process of Nanoparticle Synthesis for Electric Vehicle Battery Electrolyte* di bawah penasihat Dr. Muhamad Husaini Abu Bakar dan Mohd Nurhidayat Zahmelem berjaya membawa pulang wang tunai RM4,500, Thermal Imager bernilai RM16,000 dan lesen Keysight Vee Pro bernilai RM8,000.

Innovate Malaysia Design Competition merupakan pertandingan reka bentuk terbesar di Malaysia dan dibuka penyertaannya kepada semua pelajar tahun ketiga atau tahun akhir bidang kejuruteraan, sains komputer, IT dan sains/matematik.

Matlamatnya adalah bagi mempromosikan budaya inovatif dalam kerja reka bentuk kejuruteraan, menangani masalah sebenar dunia dengan penyelesaian praktikal kejuruteraan dan melahirkan bakat cemerlang untuk

Info Angka

- Menang wang tunai **RM4,500**, Thermal Imager (RM16,000) dan lesen Keysight Vee Pro (RM8,000)



Sedang menerangkan fungsi projek mereka kepada Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik.

pembangunan produk, penyelidikan lanjutan dan pengkomersilan.

Antara gabungan syarikat yang bekerjasama dalam penganjuran pertandingan ini termasuk Google, Intel, Keysight, MathWorks, Microsoft, SAS, SiTerra, dan SOLIDWORKS.

UniRazak serah biasiswa khas kepada Roisah

SEMPENA majlis Raikan Lebaran Aidilfitri Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak) yang diadakan di Dewan Razakian, Kampus UniRazak, Kuala Lumpur, seorang pelajar tanpa kerakyatan yang tular baru-baru ini telah menerima biasiswa khas daripada UniRazak.

Roisah Abdullah yang mengikuti pengajian di UniRazak, Jurusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) diiktiraf oleh CPA Australia, menerimanya daripada Ketua Pegawai Eksekutif UniRazak, Amil Izham Hamzah, disaksikan tetamu kehormat, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Rina Harun.



Peserta yang mewakili sekolah masing-masing ke pertandingan BIRLA-AIM Asian Family Business Case Competition di Filipina.

Menurut Amil Izham, majlis yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Abdul Rahman Ahmad dan Pengerah Johawaki Construction Sdn Bhd, Abdul Hadi Datuk Abdul Rahim, diadakan bagi mengeratkan silaturahim.

"Kehadiran dan keprihatinan YB beri banyak erti dan moga akan memberikan dorongan kepada IPT lain untuk turut membantu pelajar seperti Roisah," kata Amil Izham.

UniRazak turut menerima sumbangan dari Johawaki Group berjumlah RM15,000 setiap satu bagi membantu peserta UniRazak yang menyertai pertandingan BIRLA-AIM Asian Family Business Case Competition di Filipina.



Penyerahan biasiswa khas kepada Roisah oleh Amil Izham sambil disaksikan Rina (tengah).